



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KRITIKAN TERHADAP POLITIK DALAM KEPIMPINAN MELALUI KARYA SENI

NOOR ENFENDI BIN DESA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SENI STUDIO SENI HALUS
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF (FSKIK)
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini dimulakan dengan kecenderungan terhadap pemerhatian suasana politik yang saban hari menampakkan semakin meruncing ekoran daripada perbalahan dan perselisihan pendapat dalam kepimpinan sesebuah organisasi. Hari ini, politik merupakan satu kesatuan yang terjalin daripada idea, falsafah, doktrin, konsep dan teori berhubung kewujudan institusi negara. Penyelidik mengenengahkan isu politik dalam kepimpinan yang seringkali menjadi perbualan hangat dikalangan masyarakat. Tujuan penyelidikan ini ialah menganalisa isu subjek dan skop dalam kepimpinan. Selepas proses menganalisa dilaksanakan, tujuan kedua ialah menghasilkan karya berdasarkan keputusan objektif satu dengan pendekatan metafora. Penyelidik ingin menyampaikan sindiran dalam bentuk visual berunsurkan kritikan yang bersifat metafora, dengan menggunakan imej atau simbolik sebagai pengganti kiasan yang disampaikan secara lisan atau bertulis. Reka bentuk kajian, menggunakan kaedah yang diperkenalkan oleh J.J. Winklemann dan mempunyai dua fasa: (i) fasa pengumpulan data yang terdiri daripada pensampelan dan peralatan berdasarkan kaedah pemerhatian imejan yang ideal (ii) fasa kedua adalah berdasarkan pengeluaran karya yang berasaskan kajian studio. Hasil daripada penyelidikan ini, terdapat enam (6) buah karya yang menjurus kepada isu politik dalam kepimpinan berdasarkan pendekatan metafora. Kesimpulannya penyelidik berpendapat pendekatan metafora adalah paling tepat dalam proses memvisualkan isu yang sensitif. Implikasi dari penyelidikan ini secara langsung memberi panduan kepada pengamal seni visual untuk menggunakan pendekatan metafora dalam penghasilan karya bagi mengelakkan rasa kurang senang dikalangan audien dalam mengenengahkan isu-isu sensitif.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

CRITICISM TOWARDS POLITICS IN LEADERSHIP THROUGH ART WORKS

ABSTRACT

This research starts off with the tendency towards observations on the political environment that looks to be grimmer due to the contentious and disputes of leadership in any organization. Nowadays, politics is unison of ideas, philosophies, doctrines, concepts and theories on a creation of a Nation. In this research, researcher has highlighted the political issue in leadership which always been a hot conversational topic among the society. The purpose of this research is to analyze the issue on subject and scope in the leadership system. After the process of analysis been done, researcher tend to produce artworks based on the results of objective one with the approach of metaphor. The researcher brings forth this issue to relay criticism in visual form through the use of images as a substitute to the verbal and written form. The research design applied is taken from what had been laid-out by J.J. Winklemann which has two phases: (i) data collection consisting of sampling and instrumentation based on ideal imaging observations method (ii) second phase is based on the production of artworks through the studio research method. Findings from this research will develop 6 metaphorical artworks which reflect the issue of politics in leadership system. As a conclusion, researcher believes that metaphor approach is the best way to represent a sensitive issue. The implication from this research at the same time can be treats as a guideline for other artist because through metaphorical approach, they can avoid the uncomfortable feelings among audience when the artist try to portray a sensitive issue in their artwork making.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun

ptbupsi
v

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN ii

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

ABSTRACT v

KANDUNGAN vi

SENARAI JADUAL ix



05-4506832

**SENARAI RAJAH**Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
x

APPENDIX xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Permasalahan Kajian	7
1.3	Objektif Kajian	12
1.4	Soalan Kajian	13
1.5	Garis Panduan Projek	13
1.6	Limitasi Kajian	14
1.7	Kepentingan Kajian	15
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	16
1.9	Tinjauan Karya Terdahulu	19
1.10	Pembangunan Utama Dalam	26



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Penyelidikan Praktikal

1.10.1	Fasa Satu	26
1.10.2	Fasa Dua	27
1.10.3	Fasa Tiga	27

BAB 2 KONTEKS

2.1	Tinjauan Teori	29
2.1.1	Pengenalan	29
2.1.2	Definisi Istilah	30
2.1.3	Seni dan Gaya	31
2.1.4	Seni dan Idea	33
2.1.5	Seni dan Konteks	36
2.2	Ikonografi Dalam Seni	37
2.2.1	Naratif	40
2.2.2	Metafora	41
2.2.3	Semiotik	43
2.3	Karya Pelukis Rujukan	44
2.2.1	Pengenalan	44
2.2.2	Tema/Isu dan pelukis 1	45
2.2.3	Tema/Isu dan pelukis 2	48
2.2.4	Tema/Isu dan pelukis 3	50
2.2.5	Tema/Isu dan pelukis 4	53
2.2.6	Tema/Isu dan pelukis 5	56
2.3	Ringkasan	58



**BAB 3 KAJIAN STUDIO**

3.1	Pengenalan	60
3.2	Metodologi	63
3.2.1	Fasa 1 Objektif 1	64
3.2.2	Fasa 2 Objektif 2	65
3.3	Kajian Studio	66
3.3.1	Fasa Satu : 2013-2014	67
3.3.1.1	Karya 1	70
3.3.1.2	Karya 2	74
3.3.2	Fasa Dua : 2015	77
3.3.2.1	Karya 1	79
3.3.2.2	Karya 2	81
3.3.3	Fasa Tiga : 2016	84
3.3.3.1	Karya 1	85
3.3.3.2	Karya 2	87
3.4	Ringkasan	90
BAB 4 KESIMPULAN		93
RUJUKAN		96





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
ix

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Persamaan antara dua karya seni visual dalam isu politik.	10
2.1 Visual mentakrifkan jenis-jenis idea yang dikeluarkan.	34



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 The Dalang	10
1.2 05 July 2008	10
1.3 Carta aliran analisa karyamenggunakan teori Edmund Feldman.	17
1.4 Carta aliran penghasilan karya menggunakan teori J.J Winckelmann.	18
1.5 “Please Take A Sit”, (2011). Akrilik, dakwat lino atas kanvas, 48 inci X 72 inci.	20
1.6 “Word Puzzle : Vote For The Leader” (2011), Akrilik atas kertas, 26 inci X 28 inci.	20
1.7 “ Sit Just For Me” (2012), Akrilik, dakwat lino atas kanvas, 92 cm x 122 cm.	21
1.8 “Sit, Back And Relax”, (2011), Akrilik, dakwat lino atas kanvas, 36 inci X 48 inci.	21
1.9 “Just For You”,(2013). Akrilik, dakwat lino atas kanvas, 36 inci X 48 inci.	22
1.10 Chair series : Passed (2014). Akrilik, dakwat lino atas kanvas, 30 inci X 42 inci.	22
1.11 Chair series : Be End (2014). Akrilik, dakwat lino atas kanvas, 30 inci X 42 inci.	23
1.12 Chair series : Unknown (2014). Akrilik, dakwat lino atas kanvas, 30 inci X 42 inci.	23
1.13 Gunting.(2014) Akrilik, dakwat lino atas kanvas, 24 inci X 36 inci.	24
1.14 Anything happen...Its mine... (2015).Akrilik, dakwat lino atas kanvas, 48 inci X 48 inci.	24



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X



1.15	The dog..(2015). Akrilik, dakwat lino atas kanvas, 36 inci X 48 inci.	25
2.1	Kerusi I.	34
2.2	Kerusi II.	35
2.3	Kerusi III.	35
2.4	Samsudin Wahab “Powerless”, 2008. Media campuran atas kanvas, 83cm X 152cm.	45
2.5	Noor Azizan Rahman Paiman, 05 Julai 2008, 2008, Cat air dan cetakan dakwat atas kertas, 21 cm X 29 cm.	48
2.6	Juhari Said, Katak Hendak Jadi Lembu (Proverb series), 1997. Cetakan blok atas kertas, 73 cm x 54 cm.	51
2.7	Heri Dono, “Jalasveva Jaya Mahe”, 2013. Akrilik atas kanvas, 200 cm X 160 cm.	53
2.8	Marcel Duchamp, "Fountain," 1/8, 1964. Seramik berglaze dan cat hitam, 35.5 cm x 50 cm x 60 cm.	56



3.1	Lakaran idea 1.	68
3.3	Lakaran idea 2.	69
3.4	Lakaran idea 3.	69
3.5	Lakaran idea untuk karya “After Black-Out”.	71
3.6	Bahan atau medium untuk penghasilan karya.	72
3.7	After Black-Out.(2014). Kain, guni, dan resin. 84 cm X 48 cm X 118 cm.	73
3.8	Perincian karya “After Black-Out”(2014).	73
3.9	Bunga Tahi Ayam (Orange Marigold- Gold Rush).	74
3.10	Lakaran idea untuk karya “ Bunga Tahi Ayam”.	75
3.11	Proses pemilihan bunga dan mengeringkan.	76
3.12	Bunga Tahi Ayam . (2014). Organik atas kertas. 36 cm X 29 cm (3 panel).	77





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xii

3.13	Proses memindahkan imej pada permukaan kanvas.	79
3.14	Lakaran idea untuk karya “ What my son dream about”.	80
3.15	“What My Son Dream About”, (2015). Plastik atas kanvas, 42.5 cm X 42.5 cm (3panel)	80
3.16	“The Wide”. (2015). Kain putih atas kertas bewarna. 36 cm X 29 cm (3 panel).	82
3.17	Audien memberi reaksi terhadap karya.	84
3.18	Proses memindahkan imej pada permukaan akrilik.	85
3.19	Lakaran idea untuk karya “Go Inspired”.	86
3.20	“Go Inspired”. (2016). Plastik atas akrilik. 30.1 cm X 40.5 cm (3panel).	86
3.21	Lakaran idea untuk karya “Who Said?”.	88
3.22	“Who Said?”. (2016). Plastik atas akrilik. 38.1 cm X 40.5 cm (3 panel).	89



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiii

APPENDIX

Appendix

Muka Surat

A	Material Sampingan Berkaitan Kajian	101
B	Gambar Karya Dalam Pameran Penilaian	104
C	Kurikulum Vitae	107



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian ini dimulakan dengan kecenderungan terhadap pemerhatian suasana politik yang saban hari menampakkan semakin meruncing. Setiap hari, perbualan mengenai politik menjadi sesuatu topik yang biasa dibualkan oleh masyarakat sekeliling, dan tidak kurang juga dalam media-media sosial mahupun media massa. Setelah menamatkan pengajian diperingkat Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang seni halus di Universiti Teknologi MARA (UiTM), penyelidik rasa terpanggil untuk menghasilkan karya yang berunsur kritikan dengan gaya penyampaian yang sinis. Karya-karya yang dihasilkan oleh penyelidik berunsur kritikan terhadap suasana politik yang mana bersifat metafora. Karya-karya dipersembahkan dalam bentuk catan, dengan menggunakan warna-warna yang lembut dan harmoni namun menyampaikan maksud yang tersirat disebalik penyampaian karya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Kajian studio ini, dilakukan dengan sasaran untuk mengkritik secara kiasan terhadap suasana politik semasa. Malaysia memilih model demokrasi berparlimen dan cara pemerintahan ini masih kekal sehingga kini. Menurut Hairany Naffis (1989), sungguhpun sistem ini berasaskan sistem yang wujud di England, namun berbeza dengan keadaan di negara tersebut. Sistem demokrasi di Malaysia mempunyai sekatan-sekatan yang kadangkala bertentangan dengan sistem itu sendiri, (Saravanamuttu, 1983). Dalam perkembangan sistem pemerintahan bermasyarakat, demokrasi dianggap sebagai satu sistem politik terbaik yang terkandung di dalamnya idealisme sosio-politik yang sesuai untuk kehidupan manusia (Clifford, 1976). Demokrasi adalah suatu ideologi politik yang lahir dari evolusi pemikiran liberalisme yang mana lebih menekankan kepada kebebasan dan kedaulatan yang mengagung-agungkan individualisme. Pemahaman mengenai demokrasi dapat ditakrifkan sebagai sebuah negara atau kerajaan yang terhasil daripada kehendak dan aspirasi kelompok masyarakat majoriti (Merill, 2001).

Pengertian politik secara etimologi, politik berasal dari perkataan *polis* (bahasa Yunani), yang bermaksud negara kota. Kemudian dikembangkan dan diturunkan menjadi kata lain seperti *polities* (warga negara), *politikos* (kewarganegaraan atau sivik), dan *politike tehne* (kemahiran politik), dan *politike episteme* (ilmu politik), (Cholisin, 2003). Menurut Meriam Budiardjo (2001) dalam bukunya mengatakan bahawa politik adalah pelbagai kegiatan dalam suatu sistem politik (negara) yang melibatkan proses menentukan tujuan dari sistem itu dan melaksanakan tujuan itu. Jadi politik adalah satu proses dalam pelaksanaan dan dalam mencapai matlamat politik itu sendiri. Manakala, menurut Ramlan Surbakti (1992), pula menyatakan bahawa politik ialah interaksi antara kerajaan dan masyarakat, dalam rangka proses





pembuatan dan pelaksanaan keputusan yang mengikat tentang kebaikan bersama masyarakat yang tinggal dalam suatu wilayah tertentu.

“Politik adalah usaha memikirkan persoalan dalaman (mengurus persoalan kerajaan, menjelaskan fungsi-fungsinya, memperincikan kewajipan dan hak-haknya, mencontohi jika mereka melakukan kebaikan dan mengkritik jika mereka melakukan kesilapan), dan isu luaran iaitu rakyat (mengekalkan kemerdekaan dan kebebasan negara, memimpin dalam matlamat yang akan meletakkan kedudukan di tengah-tengah negara lain, dan membebaskan diri dari penindasan dan gangguan orang lain dalam urusannya) memberikan perhatian kepadanya, dan bekerja demi kebaikan seluruhnya.”

(Usman Abdul Mu’iz, 2000)

Dengan demikian dapat dikatakan bahawa segala sesuatu yang berkaitan dengan negara, warganegara, kekuasaan dan segala proses yang menyertainya adalah dikenali sebagai politik. Jadi politik mempunyai makna yang luas.



Justeru ini menyebabkan banyak dasar-dasar yang dibentuk oleh kerajaan adalah terpengaruh dengan binaan politik yang bentuk oleh pendapat umum yang berbau perkauman. Malah sejak awal penubuhan Malaysia, fenomena ini sering menjadi penentu dalam tindak-tanduk kerajaan. Satu contoh dari hal ini adalah penyingkiran Singapura dari Persekutuan Malaysia (Leifer, 1977).

“Politik adalah ilmu dan kemahiran. Ia merupakan ilmu kerana ia mempunyai prinsip-prinsip dan disiplin-disiplin tertentu yang keseluruhannya membentuk ‘ilmu politik’.”

(Khalid Ali Muhammad Al-Anbary, 2008)

Menurut Kamus Dewan edisi ke-4 terbitan 2007 mendefinisikan politik sebagai ilmu pengetahuan berkenaan cara atau dasar-dasar pemerintahan. Ia juga dipanggil ilmu siasah (berasal daripada bahasa Arab) atau ilmu kenegaraan. Politik





Islam dikenali sebagai *siasah syar'iyyah* yang membawa maksud mengurus atau mengatur perkara mengikut syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Jadi, politik (*siasah*) tersebut bermaksud pengurusan dan pentadbiran orang yang diurus. Lalu, kata tersebut digunakan dalam pengurusan urusan-urusan manusia. Pihak yang melaksanakan urusan-urusan manusia tersebut dinamakan ahli politik (*siasiyyun*). Dalam semua sejarah umat manusia, Islam telah menyumbang sesuatu yang sangat besar yang tidak ternilai, adalah "model negera", yang dia sebut" Negara Islam "atau *Daulah Islamiyah* (Zainal Abidin Ahmad, 1977).

Dalam bahasa Arab, politik disebut *Al-siasah* yang bermaksud menguruskan sesuatu urusan dan memperbaikinya. *Al-siasah* atau politik dari sudut istilah pula mempunyai beberapa pengertian. Antara pengertiannya ialah mentadbir urusan negara. Politik merupakan satu ilmu atau kemahiran untuk memerintah negara.



Sebenarnya politik merupakan ilmu dan kemahiran. Ia merupakan ilmu kerana ia mempunyai prinsip-prinsip dan disiplin-disiplin tertentu yang keseluruhannya membentuk "ilmu politik". Politik juga dikatakan sebagai kemahiran kerana dalam realiti pelaksanaannya ia tidak mungkin terhad kepada semata-mata melaksanakan undang-undang yang bersifat teori dan tidak juga pada pelaksanaan sebenar kekuasaan atau kekuatan, malah ia menuntut kepakaran tertentu yang diperoleh melalui pengalaman dan pengetahuan mengenai kaedah-kaedah praktikal yang tertentu (Benjamin Jowett, 1999).

Berpolitik secara kepartian hanyalah satu wasilah daripada banyak wasilah lain yang akan menyampaikan kepada maksud politik yang lebih luas itu. Di dapat





kebanyakan orang Islam khususnya orang Melayu terperangkap dengan definisi yang sempit ini sehingga menghabiskan banyak masa, tenaga, buah fikiran dan menambahkan jurang perbezaan sesama Muslim sedangkan matlamat asal politik itu semakin jauh dari jangkauan. Kebanyakan ahli masyarakat tidak lagi melihat politik dari sudut ilmu dan falsafah sebenarnya tetapi lebih terpengaruh dengan tindakan dan gelagat ahli-ahli politik yang mewarnai iklim berpolitik tanah air. Berpolitik sering difahami dan dilatari dengan perebutan kuasa, pertikaman lidah, tuduh menuduh, gelar menggelar dan sebagainya (Harussani Zakaria, 2010).

Politik dari sudut bahasa yang mudah untuk difahami menurut sebahagian ilmuan adalah melaksanakan sesuatu dengan memastikan kebaikan pada perkara itu. Manakala dari sudut kemasyarakatan bermaksud mengurus secara bijaksana dan



pandangan dengan analisis yang tajam terhadap kesan sesuatu tindakan. Ia juga membawa makna sekumpulan hal ehwal urusan yang berkaitan dengan pentadbiran negara. Politik juga dapat diertikan sebagai satu kegiatan ummah menyokong dan mendokong usaha melaksanakan syariat untuk merealisasikan Islam yang syumul dapat diperlakukan melalui sebuah institusi yang menjadi penerajunya (Abdul Karim Zaidan, 2010).

Hidup bermasyarakat adalah keperluan kepada manusia. Kemasyarakatan memerlukan pemimpin dan kepimpinan. Pemimpin menentukan corak pentadbiran dan pengurusan kelompok masyarakat yang dipimpinnya. Sejak dahulu, pelbagai kaedah telah dicuba untuk mentadbir dan mengurus kehidupan manusia. Terdapat sistem yang begitu ideal dengan teorinya, namun gagal apabila dilaksanakannya.





Sistem politik yang baik seharusnya menjadikan masyarakat yang maju, adil dan harmoni.

Kajian penulisan ini dibuat berdasarkan tinjauan awal terhadap isu politik. Politik berlaku bukan sahaja dari segi pemerintahan negara. Malah, politik berlaku dalam kelompok manusia yang berpengaruh. Politik sebenarnya, berlaku setiap hari dikalangan kita tanpa disedari. Pengkajian ini dimulakan dengan permerhatian politik semasa.

Dalam situasi sebenar, politik hanya dilihat dari segi perebutan kuasa dalam pentadbiran Negara antara satu parti politik dengan satu politik yang lain. Tafsiran politik, tidak tertakluk kepada sistem pentadbiran negara, mahupun perebutan kuasa untuk antara politik yang bertanding. Tafsiran politik boleh wujud dengan adanya sistem pengurusan, kuasa, dan pemerintahan.

Pelbagai reaksi orang yang dikritik boleh dilihat. Ada yang menerima, dan ada juga yang tidak dapat menerima, melatah, melenting, marah, sedih, kecewa, malu, rendah diri dan sebagainya. Kritik boleh terjadi dalam bentuk positif sekiranya diambil sebagai teguran manakala kritik juga boleh menjadi sesuatu yang negatif apabila ia dianggap sebagai satu penghinaan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat terbitan 2007, kritik adalah berkenaan, analisis, penilaian dan teguran terhadap karya seni, sastera, teguran keras, kecaman, bidasan; mengkritik dan memperkatakan (mengulas dan sebagainya) keburukan atau kelemahan sesuatu atau seseorang. Manakala sindiran adalah bahasa yang ditujukan untuk menyatakan sesuatu kepada seseorang, tanpa menyebut atau menyatakan secara tepat. Manakala sindir bermaksud





mengeji, mengejek, atau mencela tidak dengan terus terang atau secara berkias (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Sindiran disampaikan secara sinis atau dengan berkias atau melambangkan dengan perkara yang lain kerana ia tidak dinyatakan atau secara tidak berterus-terang ditujukan tepat pada seseorang. Oleh itu, sindiran sesuai dengan tujuannya untuk menyindir kepada sesiapa tanpa menyebut secara tepat kerana penggunaannya hanya dikiaskan dengan perkara yang lain.

1.2 Permasalahan Kajian

Politik merupakan satu kesatuan yang terjalin diantara idea, falsafah, doktrin, konsep dan juga teori tentang kewujudan institusi negara. Ertinya, di dalam kerangka yang



lebih umum, pemikiran politik merangkumi pemikiran-pemikiran, teori-teori dan nilai-nilai yang merangsang dasar dan perlakuan politik. Ia termasuk teori-teori yang digunakan bagi menerangkan perlakuan politik dan mekanisme yang mengaturnya (Lukman Thaib, 1999).

Dalam sesebuah negara demokrasi masalah rakyat menjadi isu penting, kerana ia memiliki peranan penting dalam proses berdemokrasi. Rakyat bukan hanya sekadar penonton, dan bukan juga sekadar rakyat semata-mata, tetapi perlu memiliki rasa tanggungjawab terhadap proses demokrasi dengan cara ikut mengundi, taat membayar cukai dan menyertai dalam parti politik, meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap demokrasi, membangun karakter bangsa serta melaporkan setiap adanya pelanggaran hukum (Dalton, J., 2008).





Penyertaan politik adalah kegiatan rakyat yang bertindak sebagai individu-individu, yang dimaksudkan untuk mempengaruhi pembuatan keputusan oleh Kerajaan. Penyertaan politik bertujuan untuk turut mempengaruhi keputusan rakyat (Huntington, S. Dan Nelson, M., 2010).

Dalam proses merangka sesebuah negara yang berdemokrasi, pemimpin perlu telus dalam menjalankan tugas yang diamanahkan oleh rakyat. Sesebuah kerajaan yang dibina atau dirangka melalui proses demokrasi yang mana perlu melalui proses undian yang diadakan dan rakyat berhak memilih calon atau pemimpin yang boleh menjalankan tugas dengan telus dan amanah.

Sisi gelap demokrasi dapat melahirkan sebuah dilema dalam proses berdemokrasi. Menurut Lilleker, 2006, keadaan tersebut dapat mewujudkan sikap sinis warga terhadap pemerintah, ketidakyakinan, dan ketidakpercayaan serta keraguan rakyat terhadap pemerintah atau pemimpin (*Cynicism relates to disbelief, mistrust and scepticism*).

Iklim politik Malaysia pasca kolonialisasi memperlihatkan situasi di mana konsep pemisahan di antara agama dan politik sering diutarakan oleh pemuka-pemuka politik tempatan. Mereka yang terpengaruh dengan pemikiran politik barat sering memandang sinis kepada pemikiran politik Islam dengan mengatakan bahawa kesucian agama tidak perlu dicemar oleh kekotoran yang dibawa oleh politik (Muhammad Naguib Syed Al-attas, 1985). Pada hemat mereka, permainan politik adalah kotor dan tidak perlu kepada pengawalan moral oleh agama, sedangkan secara terang-terangan di dalam Islam politik dan agama adalah bersatu dimana agama





bertindak sebagai panduan politik dan politik bertindak sebagai pelindung kepada agama (Nik Anuar, 1999).

Permasalahan kajian di dalam penulisan ini lebih menumpukan tentang soal kegoyahan kepimpinan parti politik Malaysia yang berpaksikan kepada kekuasaan memerintah semata-mata dan mempertaruhkan kepercayaan terhadap pucuk pimpinan sesebuah negara. Berdasarkan kepada keadaan ini maka berlakulah fenomena sindiran melalui lontaran kata-kata nakal yang sering mempersoalkan kebenaran di sebalik permainan dunia politik. Pandangan dan persoalan yang dilontarkan masyarakat kini lebih bersifat metaforik kerana mahu memilih jalan ‘selamat’. Oleh yang demikian, adakah konsep sindiran dan kiasan berkesan di dalam memperbetulkan keadaan politik Malaysia yang semakin terpesong? Adakah budaya memperbahaskan sesuatu



pendapat di dalam keadaan berlapik yang telah diterapkan di dalam nilai kemelayuan orang-orang Melayu dahulukala masih boleh dipraktikkan demi memperbaiki kelemahan pentadbiran sesebuah organisasi seperti sebuah negara membangun, Malaysia? Persoalan-persoalan inilah yang telah membangkitkan permasalahan kajian sekaligus membawa kepada penghasilan penulisan ini sementelah situasi dunia politik Malaysia kini ibarat anjing menyalak bukit, di mana suara hilang bukit tidak runtuhan.

Namun pun begitu, kajian ini bukanlah mencadangkan penyelesaian bagi isu tersebut, tetapi kajian ini mengenengahkan isu kritikan terhadap politik dan menggambarkan dalam bentuk persembahan karya seni visual. Oleh itu, penyelidik telah mengumpul dua karya yang mewakili persamaan dengan isu yang dibincangkan berdasarkan kandungan. Walaubagaimanapun, kajian ini tidaklah tertumpu kepada maksud penyampaian karya, tetapi mengenalpasti dari segi jurang persamaan yang






bergantung kepada penggayaan, idea dan konteks. Karya rujukan ini adalah “*The Dalang*” oleh Samsudin Wahab dan “*05 July 2008*” oleh Noor Azizan Rahman Paiman.

Jadual 1.1

Persamaan antara dua karya seni visual dalam isu politik.

Tajuk	Kajian Persamaan	
Karya	 <p><i>Rajah 1.1: The Dalang</i></p>	 <p><i>Rajah 1.2: 05 July 2008</i></p>
Penggayaan	<p>Berdasarkan karya ini, ia menekankan kepada gaya “Pop Surelism”. Gaya “Pop Surelisme” dapat dilihat pada penekanan imej badut sebagai watak utama dalam karya. Walaupun begitu, maksud karya ini tidak dipaparkan secara umum.</p>	<p>Berdasarkan karya ini, memaparkan gaya surelism, kerana penggunaan imej tidak menekankan kepada maksud yang ingin disampaikan.</p>

(bersambung)





Jadual 1.1 (*sambungan*)

Tajuk	Kajian Persamaan	
Idea	Idea dalam karya ini memaparkan tiga badut yang sedang berbincang antara satu sama lain.	Dalam karya ini, mempersembahkan imej figura dan ditekankan dengan kenyataan oleh seorang pemimpin yang terlibat dengan politik.
Konteks	Berdasarkan kenyataan daripada pameran ini, ia mengesahkan bahawa konteks yang digunakan di dalam karya adalah mengisahkan tentang politik. Ia dikaitkan dengan reka letak poster propaganda klasik.	Menurut kenyataan daripada pameran ini, konteks yang digunakan adalah berkenaan dengan suasana politik semasa. Ini dapat dilihat pada karya yang menunjukkan suasana politik berlaku pada setiap hari dan di rakamkan oleh artis tersebut.

Dalam jadual 1.1, penyelidik membandingkan dua karya rujukan yang mengenangkan isu politik. Merujuk kepada karya ini, penyelidik mendapati isu yang diketengahkan sama namun masih terdapat sedikit perbezaan daripada penggayaan, idea dan konteks. Perbincangan lanjut mengenai kajian studio ini akan diterangkan secara terperinci kemudian dalam bab seterusnya. Bagaimanapun pernyataan masalah adalah keperluan untuk membangunkan atau menjelaskan objektif kajian dan persoalan kajian. Dengan merujuk kepada kajian studio, satu-satunya





perkara yang akan dibincangkan di sini adalah menghasilkan karya seni yang ada hubung kait dengan objektif kajian dan persoalan kajian.

1.3 Objektif Kajian

Dua objektif kajian dibuat berdasarkan kajian studio ini. Oleh kerana penyelidik hanya memberi tumpuan kepada menganalisis dan menghasilkan karya seni, objektifnya adalah:

1.3.1 Mengenengahkan isu politik dalam kepimpinan yang seringkali menjadi perbualan hangat dikalangan masyarakat. Isu politik menjadi perbualan

dikalangan masyarakat dan tidak lekang dibualkan, baik memuji sebagai tanda rasa berpuas hati maupun mengkritik sebagai tanda yang sebaliknya. Penyampaian karya dipersembahkan melalui metafora.

1.3.2 Menyampaikan sindiran dalam bentuk visual dengan menggunakan imej atau simbolik sebagai pengganti kiasan yang disampaikan secara lisan atau bertulis. Imej atau simbolik yang sesuai digunakan untuk mewakili penyampaian maksud.





1.4 Soalan Kajian

Persoalan kajian dikaitkan bersama dengan objektif kajian. Soalan-soalan penyelidikan seperti berikut:

1.4.1 Bagaimanakah bentuk penyampaian karya dihubung kait dengan keadaan politik?

1.4.2 Apakah gaya yang sesuai dalam menggambarkan isu politik?

1.4.3 Apakah idea-idea yang sesuai dalam menggambarkan isu politik?

1.4.4 Apakah konteks yang sesuai dalam menggambarkan isu politik?



1.4.5 Bagaimanakah keaslian diwujudkan secara visual berdasarkan isu politik?

1.5 Garis Panduan Projek

Dalam pengkajian ini, mensasarkan untuk menzahirkan ideologi politik dalam budaya masyarakat dalam bentuk pernyataan sindiran kepada bentuk visual. Kajian ini juga dibuat untuk menyampaikan sindiran terhadap dunia politik dalam bentuk karya catatan dengan lebih kritis dan kreatif. Isu yang diketengahkan amat popular dikalangan masyarakat, bukan sekadar di Malaysia, malah seluruh dunia. Penyampaian sindiran terhadap politik melalui karya seni adalah untuk mengenalpasti, meneliti dan menilai

